



Konsep *Al-Karahah* Dalam Kerangka Pemakanan Halal Menurut Hukum Islam

Fiqh
Halal & Haram

Al-Karahah's Concept in the Framework of Halal Food From An Islamic Law Perspective

120

MOHD FARHAN MD ARIFFIN
Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
farhan.ariffin@ukm.edu.my

Submitted: 05 June 2023
Revised: 25 October 2023
Accepted: 26 October 2023
E-Published: 31 October 2023

MUHAMMAD IKHLAS ROSELE
MUHAMMAD SAFWAN HARUN (Corresponding author)
Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya Kuala Lumpur
50603 Wilayah Persekutuan
ikhlas@um.edu.my
safone_15@um.edu.my

ABSTRAK

Halal dan haram merupakan satu konsep berkembar yang menjadi fokus penting bagi umat Islam. Ianya disebabkan oleh perkembangan semasa industri halal yang semakin pesat, di samping kecenderungan masyarakat untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang dikategorikan sebagai "halal". Hasilnya, pemain industri dan pengguna sangat fanatik terhadap istilah halal atau seumpamanya dalam pembuatan, penyediaan mahupun pembelian sesuatu produk makanan dalam kalangan pengguna. Lantaran itu, perbahasan tentang konseptual halal perlu diperincikan lagi untuk memastikan aktiviti yang dilakukan sentiasa dalam kerangka perintah syarak. Dalam erti kata lain, aktiviti tersebut bersifat *Syariah compliance*. Oleh itu, kajian berpandukan data perpustakaan dan dokumen ini akan menganalisis konsep sebenar halal menurut kerangka hukum Islam melalui analisis induktif dan deduktif terhadap data-data yang diperolehi. Hasilnya kajian mendapati halal boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu halal mutlak dan halal tidak mutlak yang merangkumi elemen-elemen makruh. Meneliti kedudukan makruh sebagai halal tidak mutlak, masyarakat Islam sebenarnya hanya dituntut untuk melaksanakan halal yang mutlak, dalam masa yang sama diberikan keringanan bagi melakukan aktiviti halal tidak mutlak.

Kata kunci: Halal, hukum Islam, syarak, haram, halal tidak mutlak





ABSTRACT

Halal and haram are two concepts that Muslims pay close attention to. This is caused by the halal industry's present rapid development, as well as the community's proclivity for "halal" activities. As a result, industry players and customers are quite zealous when it comes to using the phrase halal or anything similar in the manufacture, preparation, or purchasing of food. As a result, the debate over the definition of halal needs to be clarified in order to ensure that all actions are conducted in accordance with Islamic law. In other words, this is a Shariah-compliant behaviour. As a result, through inductive and deductive examination of the data acquired, this study based on library data and documents will examine the genuine meaning of halal in the context of Islamic law. As a result, the study discovered that halal may be classified into two types: absolute halal and non-absolute halal which includes makruh ingredients. Examining the position of makruh as non-absolute halal, the Muslim community is actually only required to implement absolute halal, at the same time given relief to perform non-absolute halal in their activities.

Keywords: Halal, Islamic law, sharia, haram, non-absolute halal

PENDAHULUAN

Perintah untuk mencari atau melaksanakan sesuatu yang halal itu adalah jelas dalam Islam. Ia secara terang-terangan terdapat di dalam al-Quran dan Hadis. Bahkan perbincangan mengenainya juga menjadi suatu kepentingan khususnya pada hari ini. Tuntutan untuk memahami halal dan haram adalah sebagaimana yang difirmankan Allah SWT yang bermaksud:

Allah menganugerahkan al-hikmah (kefahaman yang dalam tentang Al Quran dan Al-Sunah) kepada siapa yang Dia kehendaki. Dan barang siapa yang dianugerahkan al-Hikmah itu, ia benar-benar telah dianugerahkan kurnia yang banyak. Dan hanya Ulul Albab yang dapat mengambil pelajaran (daripada firman Allah).

(Al-Baqarah, 2: 269)

Menurut Ibn 'Abbas, erti kata *al-hikmah* adalah makrifah dan ilmu mengenai al-Quran, terhadap *nasakh* dan *mansukh*-nya, ayat *muhkam* dan *mutasyabih* di dalamnya, permulaan dan pengakhirannya, halal dan haram di dalamnya (Ibn Kathir, 2000). Senada dengan hal ini, Allah SWT telah menjelaskan kesempurnaan agama Islam, yang merangkumi kefahaman terhadap konsep halal dan haram sebagaimana dijelaskan oleh Ibn Hazm (1983):



مبين أن الحكم قد استقر في كل نازلة، إما بتحريم، وإما بتحليل، وإما بإيجاب

Penjelasan terhadap firman Allah SWT bahawa hukum itu telah diperakukan dalam setiap kes dan peristiwa, sama ada dengan keputusan haram, halal atau wajib.

Penjelasan Ibn Hazm ini adalah terhadap firman Allah SWT yang bermaksud:

Pada hari ini telah Kusempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Kucukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan telah Ku-reda Islam itu jadi agama bagimu. Maka barang siapa terpaksa kerana kelaparan tanpa sengaja berbuat dosa, sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

(Al-Maidah, 5: 3)

Selain daripada itu, firman Allah SWT menyeru umat manusia untuk mencari yang halal dan baik (*halalan tayyiban*) sebagaimana difirmankan yang bermaksud:

Wahai sekalian manusia, makanlah apa yang berada di bumi daripada yang halal lagi baik.

(Al-Baqarah, 2: 168)

Maksud *tayyib* dalam ayat tersebut adalah merangkumi sesuatu yang dirasakan baik bagi diri manusia, tidak mendatangkan mudarat kepada badan dan akal (*مستطابًا في*) (نفسه غير ضار للأبدان ولا للعقول). Hal ini sebagaimana dijelaskan oleh Ibn Kathir (2000). Manakala al-Qurtubi pula menjelaskan hal ini dengan menukilkan mutiara kata 'Abd Allah al-Saji (al-Qurtubi, 2006):

خمس خصال بها تمام العلم، وهي: معرفة الله عز وجل، ومعرفة الحق وإخلاص العمل لله، والعمل على السنة، وأكل الحلال؛ فإن فُقدت واحدة لم يُرفع العمل.

Lima perkara yang mana denganya akan menyempurnakan ilmu, iaitu; mengenal Allah SWT, mengenal kebenaran dan ikhlas beramal kerana Allah, beramal selaras dengan sunnah dan memakan yang halal. Sekiranya salah satu itu hilang makan amalan yang dilakukan tidak diangkat.

Sahl juga menjelaskan hal yang hampir sama dengan kata-kata beliau (al-Qurtubi, 2006);



ولا يصح أكل الحلال إلا بالعلم، ولا يكون المال حلالاً حتى يصفو من ستّ خصال: الربا والحرام
والسُّخْت وهو اسم مجمل والغُلُول والمكروه والشُّبْهَة.

Tidak sah memakan yang halal kecuali dengan ilmu, dan harta tidak menjadi halal sehingga dibersihkan enam perkara iaitu; riba, perkara haram, setiap pendapatan yang kotor seperti rasuah, khianat, perkara makruh dan syubhat.

Namun begitu, yang menjadi tanda tanya, apakah yang dimaksudkan dengan halal dan kedudukannya dalam hukum Islam? Adakah ia dituntut dengan tuntutan yang kuat atau sebaliknya? Bagi melanjutkan perbincangan konsep dan kedudukan halal menurut perspektif fiqh, kajian akan menjelaskan mengenai konsep halal danuntutannya. Kemudian kajian akan menganalisis kedudukan halal dalam hukum Islam.

SOROTAN LITERATUR

Halal adalah sesuatu yang dituntut untuk dicari dan diterapkan dalam kehidupan Muslim. Oleh itu, mencari yang halal merupakan satu tuntutan yang jelas dalam al-Quran dan Hadis. Dalam perbincangan sebelum ini telah menjelaskan dalil daripada al-Quran yang menuntut umatnya mencari yang halal. Dalam perbincangan ini, beberapa nas dikemukakan untuk memberi kenyataan yang utuh mengenai tuntutan mencari yang halal. Sabda Rasulullah SAW:

طَلَبُ الْحَلَالِ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ.

Mencari yang halal adalah suatu kewajipan ke atas setiap Muslim.

(Hadis Hasan, Hadis riwayat al-Tabarani)

Di dalam riwayat yang lain al-Tabarani membawa matan yang berbeza iaitu sabda Rasulullah SAW:

طَلَبُ الْحَلَالِ فَرِيضَةٌ بَعْدَ الْفَرِيضَةِ

Mencari yang halal itu dalah kefarduan selepas fardu-fardu yang lain.

(Hadis Daif, riwayat al-Tabarani)

Bagi perkara yang halal adalah dituntut untuk mencarinya secara mutlak sebagaimana dijelaskan melalui hadis yang telah disebutkan, manakala perkara yang haram pula dituntut untuk ditinggalkan secara mutlak. Walaupun begitu, dalam hadis yang lain telah menyatakan terdapat pembahagian ketiga, iaitu *al-syubhah* yang dianjurkan untuk dijauhi. Penetapan konsep ini jelas di dalam Islam sebagaimana yang telah digambarkan oleh Rasulullah SAW dalam beberapa buah hadis, antaranya:



إِنَّ الْحَالَ بَيِّنٌ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ وَبَيْنَهُمَا مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ
اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ ...

Sesungguhnya halal itu jelas dan sesungguhnya haram itu jelas dan di antara keduanya terdapat perkara-perkara yang samar (*syubhat*) yang tidak diketahui oleh kebanyakan manusia. Barangsiapa yang mengelakkan dirinya daripada perkara yang samar bermakna dia telah membersihkan agama dan kehormatannya. Barangsiapa yang terjerumus ke dalam perkara-perkara yang samar maka dia terjerumus di dalam perkara yang haram...

(Hadis Sahih, riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini jelas menunjukkan bahawa terdapat tiga kategori iaitu *al-Halal al-Mahd* (halal yang mutlak), *al-Haram al-Mahd* (haram yang mutlak) dan *al-Mutasyabihat* (Ibn Rejab, 1997). Perkara *al-Mutasyabihat* pula berdasarkan hadis ini perlu di jauhi. Penjelasan yang hampir sama adalah sebagaimana sabda Baginda SAW:

الْحَالُّ مَا أَحَلَّ اللَّهُ فِي كِتَابِهِ وَالْحَرَامُ مَا حَرَّمَ اللَّهُ فِي كِتَابِهِ وَمَا سَكَتَ عَنْهُ فَهُوَ مِمَّا عَفَا عَنْهُ

Perkara halal itu adalah apa yang dihalalkan Allah dalam kitabnya, manakala perkara haram itu adalah apa yang diharamkan Allah di dalam kitab-Nya, dan apa yang didiamkan adalah sesuatu yang dimaafkan daripada-Nya.

(Hadis Daif, riwayat al-Tirmidhi dan Ibn Majah)

Daripada dua hadis ini jelas menunjukkan bahawa di antara perkara halal dan haram wujud satu pembahagian yang disebut sebagai *syubhah* dan *al-maskut 'anhu*. Kedudukan *syubhah* dan *al-maskut 'anhu* membuatkan kefahaman terhadap konsep halal dan pembahagiannya sebagai suatu yang mandatori dalam kajian ini.


Dalam erti kata yang lain, tuntutan mencari yang halal dan meninggalkan yang haram adalah sesuatu yang jelas. Bagaimana pula dengan *syubhah* dan *al-maskut 'anhu* dalam konteks tersebut. Perkara ini akan dibincangkan dalam perbincangan lanjut.

KEDUDUKAN HALAL DAN HARAM DALAM ISLAM

Halal menurut bahasa Arab berasal dari kata ح ل ل menjadi حَلَّ، halal (حلال) bermaksud berlawanan (*antithesis*) dengan yang haram (Ibn Manzur, t.t.), ianya juga bererti menjadi harus (Ahmad Mokhtar, 2008). Menurut al-Qaradawi (1980), halal dari segi istilah adalah perkara yang diharuskan (dibolehkan) yang terlepas daripadanya sebarang ikatan ancaman daripada melakukannya, dan Syari' (Allah) memberi keizinan untuk melakukannya. Al-Qurtubi (2006) menjelaskan bahawa dinamakan halal adalah kerana ia melepaskan (meleraikan) ikatan ancaman dan larangan.

Haram pula menurut bahasa Arab berasal dari kata حُرِّمَ menjadi حرام iaitu berlawanan dengan yang halal, dan *al-haram* (الحرام) adalah perkara yang diharamkan oleh Allah (Ibn Manzur, t.t.). Menurut al-Qaradawi (1980), istilah haram adalah perkara yang telah dilarang oleh syarak daripada melakukannya dengan larangan yang keras, iaitu berupa amaran bahawa sesiapa yang melanggar larangan tersebut akan membawa kepada seksaan Allah SWT di akhirat, juga adakalanya mendapat hukuman syariat di dunia.

Namun perlu diteliti terhadap konsep halal yang telah disebutkan, iaitu berlawanan dengan yang haram. Hal ini telah menimbulkan persoalan mengenai kedudukan halal dalam perbendaharaan usul fiqh dan fiqh. Justifikasinya, pengamatan secara kasar terhadap kenyataan tersebut menunjukkan bahawa perkara halal merangkumi perkara semua perkara wajib, sunat, harus dan makruh, yang sememangnya berlawanan dengan haram. Ini telah digambarkan dalam jadual berikut:



Sungguhpun demikian, pernyataan ini turut menimbulkan beberapa persoalan. Persoalan yang timbul apabila mengamati nas-nas yang dikemukakan sebelum ini iaitu:

1. Adakah perbuatan makruh adalah sesuatu yang dituntut kerana umumnya umat Islam dituntut untuk mencari yang halal?
2. Di manakah kedudukan hal-hal yang *mutasyabihat* dan hal yang *maskut* sepertimana di dalam hadis sebelum ini?
3. Apakah konsep sebenar makruh dan halal?

Kajian ini hakikatnya tidak menafikan status makruh sebagai halal, namun lebih fokus untuk membahagikan halal kepada pembahagian yang lebih tuntas. Tambahan pula, perbincangan ulama terhadap sesuatu yang tidak jelas hukumnya sebagai halal adalah sesuatu yang dimaklumi selaras dengan kaedah fiqh:



أَنَّ الْأَشْيَاءَ أَصْلُهَا عَلَى الْإِبَاحَةِ

Setiap sesuatu itu pada asalnya adalah diharuskan. (al-Suyuti, 1997)

Maka kaedah ini menjadi penentu kepada kedudukan *mutasyabihat* dan *al-maskut 'anhu* sebagai sesuatu yang harus ataupun halal. Akan tetapi, perkara harus lazimnya tidak akan kekal harus kerana hukum harus sentiasa akan terdedah kepada hukum-hukum yang lain iaitu wajib, sunat, makruh dan haram. Oleh itu, perbincangan tidak akan terhenti setakat itu sahaja. Bagi memahami konsep halal, haram dan makruh memerlukan satu perbincangan yang khusus dan lebih rencam.

ANALISIS KONSEPTUAL HALAL DAN MAKRUH

Ternyata konsep yang dikemukakan sebelum ini adalah suatu konsep yang berbentuk umum. Ia tetap memerlukan perincian sehingga beberapa persoalan dapat dijawab dengan baik. Jika diamati kepada beberapa hadis, terutamanya mengenai hadis *syubhah*, wujud kategori ketiga iaitu *syubhah* atau dalam beberapa hadis lain disebut sebagai *al-maskut 'anhu*. Oleh itu bagaimana memposisikan perkara tersebut dan apakah hubungannya dengan makruh. Hal ini dapat dijelaskan dengan memahami konsep halal dengan lebih mendalam.

Pada asasnya terdapat perbezaan ulama dalam mendefinisikan halal. Menurut Imam al-Syafi'i, halal bermaksud "apa yang tidak ada dalil mengenai keharamannya". Manakala Abu Hanifah menjelaskan maksud halal sebagai; "apa yang ada dalil tentang kehalalannya." Secara kasar terdapat titik persamaan terhadap makna definisi kedua-dua tokoh tersebut. Akan tetapi jika diamati, perbezaan tersebut mempunyai kesan, khususnya terhadap kedudukan *al-maskut 'anhu* (hukum yang didiamkan). Justeru kedudukan *al-maskut 'anhu* di sisi Imam al-Syafi'i adalah merupakan perkara halal sedangkan Abu Hanifah berpendapat ia merupakan perkara haram (al-Zarkasyi, 1985).

Al-Qalsyani sebagaimana dinukilkan di dalam kitab *Anwar al-Buruq* menjelaskan bahawa telah berlaku perbezaan dalam memberikan konsep halal. Terdapat pandangan yang menjelaskan bahawa halal adalah sesuatu yang tidak diketahui bahawa ianya adalah haram, sedangkan wujud pandangan lain mengatakan ia sesuatu yang diketahui asalnya (iaitu mempunyai petunjuk atau dalil yang menjelaskan kehalalannya). Menurut al-Qalsyani lagi, penjelasan konsep yang pertama itu lebih memberi keringanan kepada umat manusia, lebih-lebih lagi pada zaman semasa. Beliau menjelaskan lagi bagaimana perkara halal itu dapat dibezakan daripada haram dan *syubhah* (al-Qarafi, 2010):

Sekiranya manusia hanya mengambil atau menggunakan sesuatu dengan sekadar keperluannya dan keluarganya sahaja tanpa berlebihan, tidak ada penambahan lain ke atas keperluannya sudah tentu dia tidak memakan yang haram dan syubhah.



Daripada penjelasan tersebut, dapat difahami bahawa konsep halal merupakan konsep yang mempunyai perbezaan dalam kalangan ulama. Keberadaan *syubhat* dan *al-maskut 'anhu* boleh dikategorikan dalam kelompok yang sama, iaitu kedudukan hukumnya tidak jelas. Kemudian terdapat tiga kategori yang menjadi kefahaman asas dalam membicarakan persoalan halal iaitu; halal, haram dan *syubhat*. Lantaran itu, perlu difahami apakah yang dimaksudkan dengan *syubhat* dan kedudukannya dalam hukum Islam. Berkenaan *syubhat*, al-'Asqalani (t.t.) menjelaskan terdapat empat tafsiran iaitu;

1. Sesuatu yang mempunyai dalil yang bercanggah
2. Perbezaan ulama terhadap hukumnya, kesan daripada dalil yang bercanggah
3. Ia membawa maksud makruh, kerana ia berada di tengah antara melakukan dan meninggalkan
4. Ia membawa maksud harus

Justeru, *syubhat* dan *al-maskut 'anhu* juga boleh ditafsirkan sebagai sesuatu yang makruh. Dapat disimpulkan juga bahawa persoalan halal boleh dipecahkan kepada tiga. Pecahan tersebut akan dijelaskan dalam perbincangan yang lanjut. Hal ini kerana perlu diperincikan kedudukan makruh dalam hukum Islam.

Daripada nas al-Quran dan hadis sebelum ini, jelas menunjukkan mencari sesuatu yang halal adalah dituntut. Oleh kerana kedudukan makruh adalah sesuatu yang boleh mendatangkan kesan kepada hal ini, maksud makruh atau *al-Karahah* adalah satu perbincangan yang penting. Makruh adalah antara yang tergolong di dalam kategori hukum taklifi. Hukum taklifi pula boleh dibahagikan kepada dua bahagian yang umum iaitu *al-talab* (tuntutan) dan *al-ikhtiyar* (pilihan). *Al-Talab* pula dibahagikan kepada dua iaitu tuntutan untuk melakukan dan tuntutan untuk meninggalkan. Dua pembahagian tersebut juga akan dibahagikan kepada dua sama ada secara pasti atau tidak. Sekiranya tuntutan melakukan secara pasti, ia adalah wajib dan perkara tidak pasti menjadi sunat. Begitu juga tuntutan meninggalkan secara pasti adalah merujuk kepada perkara yang haram dan yang tidak pasti pula merujuk kepada makruh (al-Jizani, 1996).

Oleh itu makruh adalah apa yang dituntut syarak untuk meninggalkannya dengan tuntutan yang tidak tegas. Tambahan pula, Wahbah al-Zuhayli (1999) menyatakan walaupun melakukan perbuatan makruh tidak dikenakan pembalasan, akan tetapi kadangkala pelakunya boleh mendapat kejian dan tohmahan. Pada dasarnya, definisi terhadap makruh berbeza dalam karya usul fiqh. Sebagai contoh al-Jizani mendefinisikan makruh sebagai (al-Jizani, 1996);

Perbuatan yang dipuji orang yang meninggalkannya dan tidak berdosa orang yang melakukannya.

Al-Ghazali (1413H) dan al-Amidi (2003) menjelaskan bahawa makruh adalah pengertian yang menjadi perbezaan dalam kalangan ulama usul. Mereka menyebutkan empat makna makruh iaitu, Pertama; sesuatu yang ditegah (konsep



makruh sebagai haram ini lazim digunakan oleh Imam al-Syafi'i. Kedua; *Nahy al-Tanzih*, iaitu bentuk larangan yang tidak tegas, dalam erti kata lain meninggalkannya lebih utama berbanding melakukannya. Ketiga; *tark ma huwa al-awla*, iaitu hukum bagi meninggalkan sesuatu yang lebih baik untuk dilaksanakan, seperti meninggalkan solat dhuha. Keempat, merujuk kepada sesuatu yang diragui dan *syubhat* pada pengharamannya.

Lantaran itu, dengan penisbahan seperti ini agak sukar untuk meletakkan makruh ke dalam kategori halal secara mutlak. Keadaan ini memungkinkan untuk mewujudkan satu kategori pertengahan yang boleh meletakkan kedudukan makruh (*grey area*). Namun untuk mewujudkan kedudukan tersebut, masih memerlukan justifikasi yang jelas.

Merujuk kembali kepada hadis *syubhat* yang disebutkan jelas memposisikan perkara *al-musytabihat* kepada kategori ketiga antara halal dan haram. Di samping itu juga, terdapat penafsiran terhadap makna *al-mutasyabihat* sebagai makruh. Hal ini telah menempatkan makruh sebagai pertengahan antara halal dan haram. Selain itu, penjajaran *al-maskut 'anhu* juga membuktikan bahawa ada kategori lain di antara halal dan haram. Namun persoalan yang masih belum jelas adalah adakah makruh terkeluar dari kategori halal secara umum? Dalam hal ini pada dasarnya makruh tidak terkeluar daripada kerangka halal, akan tetapi ia bukanlah halal secara mutlak dan bukanlah yang dituntut untuk dilaksanakan. Dalam konteks ini, halal boleh dibahagikan kepada dua iaitu halal mutlak dan halal tidak mutlak.


Ibn Hazm (t.t.) telah menjelaskan bahawa unsur sesuatu perkara boleh dibahagikan kepada tiga iaitu; *al-fardu wa al-lazim* (kefarduan), *al-halal wa al-mubah* dan *al-haram wa al-mahzur*. Menurut beliau *al-halal wa al-mubah* boleh dibahagikan kepada tiga iaitu *al-mubah al-mustahab*, *al-mubah al-mustawi* dan *al-mubah al-makruh*. Dalam hal ini jelas makruh masih dikategorikan sebagai halal, manakala dalam konteks lain Ibn Hazm (t.t.) sendiri telah membahagikan halal kepada tiga. Namun dalam pembahagian yang mutlak dan halal tidak mutlak, *al-mubah al-mustawi* dan *al-mubah al-mustahab* akan digolongkan sebagai halal yang mutlak mengambil prinsip *al-asl fi al-asya' al-ibahah*.

Mendokong kenyataan pembahagian halal mutlak dengan halal yang tidak mutlak, terdapat catatan daripada al-Ghazali (2005: 546) yang memberikan maksud halal mutlak iaitu:

الحلال المطلق: هو الذي خلا عن ذاته الصفات الموجبة للتحريم في عينه، وانحل عن أسبابه ما
تطرق إليه تحريم أو كراهية

Halal mutlak adalah yang bebas zatnya daripada sifat yang membawanya kepada hukum haram, dan bebas pada sebab-sebabnya yang membawa kepada pengharaman ataupun makruh.

Oleh itu, kefahaman yang jelas dalam konteks ini perkara makruh adalah terkeluar daripada pengertian halal mutlak. Selain itu, apa yang didapati di dalam nas al-Quran dan hadis jelas menunjukkan tuntutan untuk mencari yang halal (*talab al-fe'l*), sedangkan makruh adalah sesuatu yang dituntut untuk ditinggalkan (*talab al-tark*) (al-Namlah, 1996). Keadaan ini menguatkan klasifikasi makruh kepada halal yang tidak mutlak. Oleh itu, kajian mencadangkan agar klasifikasi halal adalah sebagaimana rajah berikut:



Hasilnya, kedudukan halal tidak mutlak ini pada hakikatnya disedari oleh para intelektual Islam, namun tidak wujud satu bentuk pembahagian yang jelas. Kedudukan halal tidak mutlak adalah mengambil terma yang digunakan dalam hadis Rasulullah SAW yang menyebut "*abghad al-Halal*". Al-Nawawi (t.t.) dalam *al-Majmu'* menyatakan bahawa talak yang bukan dalam kategori talak *sunni* dan talak *bid'iy* adalah makruh berdasarkan hadis Rasulullah SAW berkaitan talak. Oleh itu, walaupun talak asasnya adalah halal akan tetapi ia tidak dituntut kerana hukumnya adalah makruh.

Dalam urusan pemakanan, perlu ditegaskan bahawa kejelasan perkara halal mutlak adalah bersifat anjal dan boleh berubah kepada halal tidak mutlak ataupun haram dengan kewujudan elemen percampuran (*ikhtilat*), percampuran (*ishtibah*) dan keraguan (*syak*). Begitu juga halnya perlu melihat kepada aspek yang sangat penting, iaitu kebaikan dan keburukan (*al-Tayyibat wa al-Khaba'ith*) sesuatu produk makanan yang sangat bergantung kepada status imuniti seseorang pengguna. Hasilnya, perkara halal juga boleh jadi makruh sama ada *tanzih* atau *tahrim* ataupun haram jika melibatkan risiko, perlakuan, pencemaran atau campur tangan sebarang anasir yang berupaya mendatangkan mudarat dan dibenci syarak.

Sebagai contoh, makanan yang halal seperti buah adalah harus dimakan selagimana terbukti berkualiti dan berkeadaan baik. Namun begitu, hukumnya boleh jadi makruh atau haram apabila memakan buah yang sudah rosak atau dicemari ulat. Hal ini kerana makanan yang sedia rosak adalah berbahaya kepada kesihatan manusia. Hal sama turut didapati pada ulat, memandangkan kehadirannya menunjukkan sesuatu makanan telah rosak atau luput. Perkara tersebut memberi isyarat telah terjadinya pencemaran terhadap makanan.



Dalam contoh lain, gula merupakan makanan yang halal, namun pengambilannya berisiko kepada penghidap diabetes pada kadar tertentu. Begitu juga dengan makanan halal yang disediakan atau diambil dengan cara yang tidak selamat sehingga *masalah* yang ingin dicapai bertukar menjadi *mafsadah* yang akhirnya memudaratkan diri. Walau bagaimanapun, jika laras kebimbangan (faktor risiko) terhadap elemen mudarat tersebut telah hilang, maka hukum tersebut adalah terangkat bersama dan tidak signifikan lagi (Mohd Farhan Md Ariffin, 2019).

KESIMPULAN

Secara kesimpulan, keperluan terhadap pengetahuan halal dalam kalangan masyarakat amat penting untuk dititikberatkan. Selain daripada itu, kefahaman yang tepat dan lengkap terhadap konsep halal juga merupakan suatu keperluan bagi mengelakkan masyarakat terlibat dengan perkara haram serta syubhat, bahkan perkara yang dihukumkan sebagai makruh. Hal ini adalah selaras dengan saranan Baginda SAW agar melaksanakan perintah syarak dengan semampunya dan meninggalkan sebarang tegahan syarak, sebagaimana sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim; (*فَإِذَا هَيَّئْتُمْ عَنْ شَيْءٍ فَاجْتَنِبُوهُ وَإِذَا أَمَرْتُمْ بِأَمْرٍ فَأَتُوا مِنْهُ مَا* (استطعتم), maksudnya; "sekiranya aku melarang kalian tentang sesuatu maka jauhilah dan sekiranya aku memerintahkan kalian tentang sesuatu perintah maka laksanakanlah semampu kalian".

Tuntutan meninggalkan perkara yang haram, bahkan perkara yang meragukan (termasuk makruh atau syubhat) adalah selaras dengan sabda Nabi SAW; (*دَعْ مَا يَرِيْبُكَ (إِلَى مَا لَا يَرِيْبُكَ*), maksudnya; "tinggalkan perkara yang meragukan kamu kepada perkara yang tidak meragukan kamu".

PENGHARGAAN

Penulis tidak menerima sebarang dana bagi penyelidikan, penulisan dan penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

Ahmad Mokhtar 'Umar (2008). *Mu'jam al-Lughat al-'Arabiyah al-Mu'asirah*. Kaherah: 'Alim al-Kutub.

Al-'Asqalani, Ibn Hajar (t.t.). *Fath al-Bari*. Mesir: al-Maktabah al-Salafiyah.

Al-Amidi, 'Ali bin Muhammad (2003). *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Al-Riyad: Dar al-Sami'i.



- Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad (1413H). *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. Al-Madinah: al-Jami'ah al-Islamiyyah.
- Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad (2005). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Bayrut: Dar Ibn Hazm.
- Ibn Hazm (1983). *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Bayrut: Dar al-Afak al-Jadidah.
- Ibn Hazm al-Andalusi (t.t.). *Al-Taqrīb li Had al-Mantuq wa al-Madkhal ilaihi bi al-Afraz al-'Amiyah wa al-Amthilah al-Fiqhiyyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Kathir (2000). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Jizah: Muasasah Qurtubah.
- Ibn Manzur (t. t.). *Lisan al-'Arab*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Ibn Rejab al-Hanbali (1997). *Jami' al-'Ulum wa al-Hikam*. Makkah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Al-Jizani, Muhammad bin Hussayn (1996). *Ma'alim Usul Fiqh*. Al-Dammam: Dar Ibn al-Jawzi.
- Mohd Farhan Md Ariffin (2019). *Isu Keselamatan Makanan Menurut Perspektif Al-Hadith: Analisis Terhadap Perusahaan Kecil Dan Sederhana di Lembah Klang*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Al-Namlah, 'Abd al-Karim bin 'Ali (1996). *Ithaf Dhawi al-Basa'ir bi Syarh Rawdah al-Nazir*. Al-Riyad: Dar al-'Asimah.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf (t.t.). *Al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- Al-Qaradawi (1980). *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Qarafi (2010). *Anwar al-Buruq fi Anwa' al-Furuq*. Kuwayt: Dar al-Nawadi.
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad (2006). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran: wa al-Mubayyin li ma Tadammahu min al-Sunnah wa Ayy al-Furqan*. Bayrut: Muasasah al-Risalah.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din (1997). *Al-Asybah wa al-Nazair fi Qawa'id wa Furu' Fiqh al-Syafi'i*. Makkah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Al-Zarkasyi, Muhammad bin Bahadur (1985). *Al-Manthur fi al-Qawaid*. Kuwayt: Syirkah Dar al-Kuwayt li al-Sahafah.



The current issue and full text archive of this journal is available at
<https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal>

Al-Zuhayli, Wahbah (1999). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Dimasyq: Dar al-Fikr.